

# KL-Bangkok selaras keselamatan sempadan

BH-26/11/2019 m/s: 9

➔ Pelaksanaan operasi 24 jam ICQS di Bukit Kayu Hitam, Sadao permudah pergerakan barangan

## ► Bangkok

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, Malaysia dan Thailand mahu menyelaraskan keselamatan dan meningkatkan kesalinghubungan sempadan untuk memudahkan pergerakan barangan di sempadan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pelaksanaan operasi 24 jam di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di

Bukit Kayu Hitam dan di Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Sadao yang bermula 1 April depan membuktikan komitmen kedua-dua negara dalam perkara ini.

### Pembangunan sempadan

Beliau berkata, Kerajaan Malaysia juga sedang mengkaji projek pembangunan sempadan lain yang boleh memacu pertumbuhan negeri di sempadan.

“Projek mendapat kelulusan kerajaan ialah pembangunan depot trak di Zon Ekonomi Sempadan Khas (SBEZ) di Kota Perdana, Bukit Kayu Hitam. Projek ini dijangka meningkatkan kedudukan Kedah sebagai pintu masuk strategik bagi perdagangan sempadan antara Malaysia dan Thailand,” katanya pada perjumpaan dengan Jawatankuasa Tetap Bersama Perdagangan, Perindustrian dan Perbankan (JSCCIB) Thailand, di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri berada di Bangkok untuk lawatan rasmi dua hari ke Thailand bermula kelmarin.



Kerajaan Malaysia juga sedang mengkaji projek pembangunan sempadan lain yang boleh memacu pertumbuhan negeri di sempadan”

**Dr Wan Azizah Wan Ismail,**  
Timbalan Perdana Menteri

Dr Wan Azizah berkata, pertemuan dengan wakil komuniti perniagaan Thailand adalah tepat pada masanya memandangkan Thailand adalah pengerusi ASEAN tahun ini dan sempena ulang tahun ke-62 terjalinnya hubungan diplomatik Malaysia-Thailand.

### Rakan strategik

“Dalam konteks ASEAN, Malaysia dan Thailand terus menjadi rakan strategik, terutama dari sudut ekonomi. Sebagai jiran terdekat, Thailand rakan dagang kelima terbesar Malaysia dan destinasi eksport keenam terbesar.

“Pada 2017, jumlah perdagangan Malaysia dan Thailand melonjak 10.3 peratus kepada AS\$22.9 bilion. Bagi tempoh 11 bulan pertama tahun lalu, jumlah perdagangan meningkat 14.7 peratus kepada AS\$24.06 bilion seiring peningkatan 20.9 peratus eksport Malaysia ke Thailand kepada AS\$13.01 bilion dan peningkatan 8.2 peratus eksport Thailand ke Malaysia kepada AS\$11.05 bilion,” katanya.

Dr Wan Azizah berkata, perdagangan sempadan merangkumi transaksi perdagangan terbesar antara Malaysia dengan Thailand dengan mencatatkan 72 peratus daripada jumlah perdagangan dua hala pada 2017.

Katanya, Kerajaan Malaysia dalam proses mengkaji dan menilai dasar ekonomi negara secara aktif dan merumuskan dasar baharu bagi membangunkan rancangan ekonomi keseluruhan untuk memacu pembangunan negara 2020.

“Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa ASEAN meningkatkan perdagangan serantau sehingga 30 peratus daripada 20 peratus sekarang. Ini untuk menyediakan lebih banyak peluang bagi perusahaan kecil dan sederhana memanfaatkan pelaburan di kawasan itu,” katanya.

Sementara itu, pada sesi pertemuan dengan diaspora Malaysia di Thailand, Dr Wan Azizah menyeru mereka turut bersama-sama membantu proses membina semula Malaysia.

**BERNAMA**